



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL.: 08/2020
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGEMASKINIAN GARIS PANDUAN LANGKAH PENGAWALAN DAN MENANGANI
JANGKITAN COVID-19 BAGI PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka dengan ini Jabatan Perdana Menteri mengemaskinikan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 06/2020 mengenai garis panduan pengawalan dan menangani pandemik COVID-19 selaras dengan perkembangan ketika ini dan juga *De-escalation Plan* secara berfasa hasil penelitian risiko (*risk assessment*) yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian Kesihatan seperti berikut:

1. Menghadiri Mesyuarat/Seminar Di Luar Negeri dan Seumpamanya dan Keluar Negeri Atas Urusan Peribadi

A. WARGA PERKHIDMATAN AWAM YANG KELUAR NEGERI

- 1.1 Tegahan keluar negeri bagi warga Perkhidmatan Awam secara umumnya adalah masih berkuatkuasa berpandukan kepada *De-escalation Plan* yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan.
- 1.2 Warga Perkhidmatan Awam yang berhasrat untuk keluar negeri atas urusan yang penting mestilah mendapatkan kebenaran Jabatan Perdana Menteri terlebih dahulu selaras dengan Garis Panduan Permohonan Kebenaran Keluar Negeri Bagi Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri **melalui Setiausaha-Setiausaha Tetap** masing-masing, melalui aplikasi *web-based*:

<https://www.form.gov.bn/TravelApplicationA/Pages/Travel-Application-Form.aspx>

B. WARGA PERKHIDMATAN AWAM YANG PULANG KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DARI LUAR NEGERI

- 1.3 Warga Perkhidmatan Awam yang baru sahaja pulang ke Negara Brunei Darussalam dari luar negeri hendaklah menjalani kuarantin dan/atau pengasingan diri (*self-isolation*) sebaik saja tiba di Negara Brunei Darussalam selaras dengan keperluan dan garis panduan Kementerian Kesihatan.

Z.
...2/



-2-

- 1.4 Tempoh kuarantin dan/atau pengasingan diri (*self-isolation*) berkenaan akan **ditolak daripada hak kelayakan Cuti Tahunan masing-masing** bagi warga Perkhidmatan Awam yang baru sahaja pulang ke Negara Brunei Darussalam dari luar negeri atas **urusan peribadi**, termasuklah pegawai-pegawai Kerajaan yang ditempatkan di luar negeri untuk bertugas yang kembali bercuti ke Negara Brunei Darussalam atas pembiayaan sendiri.
- 1.5 Kos penginapan semasa tempoh pengasingan diri (*self-isolation*) bagi warga Perkhidmatan Awam di perenggan 1.4 akan ditanggung oleh mereka sendiri mengikut apa jua kadar yang telah ditetapkan oleh tempat-tempat penginapan bagi tempoh pengasingan diri (*self-isolation*) berkenaan selaras dengan garis panduan Kementerian Kesihatan.
- 1.6 Manakala tempoh kuarantin dan/atau pengasingan diri (*self-isolation*) berkenaan **tidak akan ditolak daripada hak kelayakan Cuti Tahunan** bagi perkara-perkara berikut:
 - 1.6.1 Warga Perkhidmatan Awam yang pulang ke Negara Brunei Darussalam dari luar negeri atas **urusan rasmi** Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam; dan
 - 1.6.2 Warga Perkhidmatan Awam yang bertugas di luar negeri termasuk yang menjalani Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) dan kembali ke Negara Brunei Darussalam atas **pembiayaan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam** selaras dengan kemudahan-kemudahan yang dihulurkan kepadanya seperti Cuti Perkhidmatan 18 bulan dan seumpamanya.
- 1.7 Kos penginapan semasa tempoh pengasingan diri (*self-isolation*) bagi warga Perkhidmatan Awam di perenggan 1.6 akan ditanggung oleh **Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam** selaras dengan garis panduan Kementerian Kesihatan.
2. Pada asasnya, sebarang jemputan atau undangan kepada sesiapa yang berkunjung atau transit daripada negara-negara yang terjejas untuk ditangguhkan. Walau bagaimanapun, ini adalah tertakluk jua kepada *De-escalation Plan* Kementerian Kesihatan melalui prosedur serta tatacara yang berkuatkuasa pada masa ini. Sebarang kemasukan warga asing adalah juga tertakluk kepada langkah-langkah jagaan/protokol kesihatan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.

...3/
R



-3-

3. Kementerian-Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan adalah dibenarkan untuk mengadakan acara keramaian rasmi tertakluk kepada garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Kesihatan.
4. Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 06/2020 mengenai Garis Panduan Pengawalan dan Menangani Pandemik COVID-19 Bagi Warga Perkhidmatan Awam adalah masih berkuatkuasa, kecuali bagi perenggan-perenggan yang dikemaskini; iaitu perenggan 2.1, 2.3, 2.6 dan perenggan 5 dalam Surat Keliling berkenaan.
5. Surat Keliling ini adalah berkuatkuasa mulai tarikh Surat Keliling ini dikeluarkan dan akan dikemaskini dari semasa ke semasa menurut keperluan dan perkembangan terkini.

Sekian sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Sentiasa Berkhidmat Dengan Petunjuk Allah"

Dengan hormat

[MOHD RIZA BIN DATO PADUKA HAJI MOHD YUNOS]

Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan BA1000
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan : (8) JPM/SK/2020
Tarikh : 11 Safar 1442 / 29 September 2020